



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA
WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

ISTIMEWA

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO
GOVERNMENT GAZETTE

PART II

EXTRAORDINARY

Published by Authority

ISI


Kenyataan Bilangan	Perkara	Muka
S 69	Surat Perintah Lantikan seorang Timbalan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	1264

**Kenyataan berikut adalah disiarkan bagi makluman ramai dengan Titah Perintah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.**

CONTENT

Notification Number	Subject	Page
S 69	Instrument of Appointment of a Deputy to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam	1267

The following Notification is published for general information by Command of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.




NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Surat Perintah Lantikan seorang Timbalan
kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam*

*(Bab 17(2) dari Pemasyhuran Mengangkat Raja
dan Melantik Pemangku Raja, 1959)*

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN



Bismillahir Rahmanir Rahim

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

BAHAWASANYA, BETA hendak berangkat membuat lawatan keluar negeri dan tidak akan berada di Negara Brunei Darussalam mulai dari hari Selasa, 4 haribulan Zulkaedah, 1426 bersamaan dengan 6 haribulan Disember, 2005.

DAN BAHAWASANYA, adalah diperuntukkan, antara lain oleh ceraian (1) bab 17 dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, (selepas ini disebut sebagai "Pemasyhuran, 1959"), bahawa Sultan tidak boleh meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama lebih dari tujuh hari dengan

tiada melantik Jemaah Pemangku Raja atau seorang Timbalan Sultan sebagai ganti lantikan Jemaah Pemangku Raja dan sebelum Sultan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam, Baginda hendaklah memberitahu Majlis Mesyuarat Di-Raja akan lantikan tersebut.

DAN BAHAWASANYA, adalah diperuntukkan, antara lain oleh ceraihan (2) bab 17 dari Pemasalahan, 1959 bahawa Sultan boleh melantik seorang Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk menjadi Timbalan Sultan selagi Baginda berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama lebih dari tujuh hari.


OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, BETA pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada BETA oleh peruntukan-peruntukan Pemasalahan, 1959 yang tersebut di atas sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya dengan Surat Perintah ini melantik yang berikut menjadi Timbalan Sultan:

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, DKMB., DPKT., PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

semasa ketiadaan BETA di Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Sultan itu akan menjalankan, melaksanakan dan menyempurnakan untuk BETA dan bagi pihak BETA, semasa ketiadaan BETA itu, tugas-tugas Negara sebagaimana yang mungkin dikenakan kepada BETA oleh Perlembagaan, 'Adat Istiadat dan Undang-Undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam, tetapi Timbalan Sultan yang dilantik itu hendaklah menjunjung dan mematuhi segala titah perintah sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dititahkan kepadanya untuk panduannya.

Barang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Lantikan ini. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari ini empat haribulan Zulkaedah, tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam seribu empat ratus dua puluh enam bersamaan dengan hitungan Masihi enam haribulan Disember, dua ribu lima iaitu tahun yang ketiga puluh sembilan BETA di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.




BRUNEI DARUSSALAM

*Instrument of Appointment of a Deputy
to His Majesty the Sultan and Yang
Di-Pertuan of Brunei Darussalam*

*(Section 17(2) of the Succession and Regency
Proclamation, 1959)*

**HIS MAJESTY THE SULTAN
AND YANG DI-PERTUAN**



Bismillahir Rahmanir Rahim

BY THE GRACE OF ALLAH, WE, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, Sultan and Yang Di-Pertuan of the State and Territory of Brunei Darussalam and all its Dependencies.

WHEREAS, WE are desirous of making a visit abroad and shall be absent from Brunei Darussalam from Tuesday, 4th. day of Zulkaedah, 1426 Hijriah corresponding to the 6th. day of December, 2005.

AND WHEREAS, it is provided, inter alia, by subsection (1) of section 17 of the Succession and Regency Proclamation, 1959, (hereinafter referred to as "the Proclamation, 1959"), that the Sultan shall not absent himself from Brunei Darussalam for more than seven days without appointing a Council of Regency or

BRUNEI DARUSSALAM GOVERNMENT GAZETTE

a Deputy in lieu of appointing a Council of Regency and prior to his departure from Brunei Darussalam shall inform the Privy Council of any such appointment.

AND WHEREAS, it is provided, inter alia, by subsection (2) of section 17 of the Proclamation, 1959 that the Sultan may appoint a Member of the Privy Council to be his Deputy so long as he is absent from Brunei Darussalam for more than seven days.

NOW THEREFORE, WE in exercise of the powers conferred upon US by the aforesaid provisions of the Proclamation, 1959 as Sultan and Yang Di-Pertuan of the State and Territory of Brunei Darussalam and all its Dependencies do by this Instrument appoint the following as Deputy, namely:

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, DKMB., DPKT., PHBS., Senior Minister at the Prime Minister Office.

during OUR absence from Brunei Darussalam and in that capacity to exercise, perform and execute for US and on OUR behalf during such absence such State functions as may be imposed on US by Constitution, Customs and Laws in force in Brunei Darussalam; but so that the Deputy so appointed shall conform to and observe all such instructions as WE may from time to time address to him for his guidance.

MAY ALLAH to Whom be praised and Whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His Grace and may the Prophet Muhammad (on Whom be the benediction and peace of ALLAH) grant His Blessings to this Appointment. Amin O Lord of the Universe.

Done at Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam this fourth day of Zulkaedah, the Hijrah of Prophet Muhammad (on Whom be the benediction and peace of ALLAH) one thousand four hundred and twenty six corresponding to sixth day of December, two thousand five of the Christian era, being the thirty-ninth year of OUR Reign in Brunei Darussalam.